

# ***USLUB AL-HIKMAH, AL-MAUI'ZAH AL-HASANAH DAN MUJADALAH BI AL-HUSNA MENGIKUT PANDANGAN ULAMAK***

oleh  
Syed Abdurahman Hj Syed Hussin

## **Abstrak**

*This article tries to indentify al-Hikmah, Maui'zah al-Hasanah and Mujadalah bi allati hiya Ahsan as methods of da'wah according to the ulama opinions.*

## **Pendahuluan**

*Uslub* secara mudah difahami dengan erti cara dan pengertian ini menyamakannya dengan metode dan *wasail* kerana maksud kepad metod ia ialah cara merancang segala yang berkaitan dengan dakwah, dan wasail pula cara menggunakan alat untuk menyalurkan *uslub* melaluinya supaya sampai kepada sasaran.<sup>1</sup>

Tetapi sekiranya difahami dengan lebih teliti *Uslub* adalah berbeza maksudnya dari metode dan *wasail*, kerana *uslub* lebih menjurus kepada kebolehan dan kepandaian menyampaian Islam kepada sasaran melalui pengolahan bahasa. Hal ini dapat difahami dengan jelas apabila kita meneliti difenasi *Uslub* dari sudut bahasa dan istilah.

Dari sudut bahasa *Uslub* diertikan dengan jalan, arah tuju, aliran pemikiran dan berbagai bentuk kepandaian. Dikatakan “Sianu telah menggunakan berbagai bentuk percakapan”, bermaksud; beberapa gaya kebolehan serta kepandaian bercakap.<sup>2</sup>

Dari segi istilah para penulis telah menjuruskan pengertian *uslub* kepada penggunaan bahasa dalam berbagai gaya dan bentuk bagi memudah dan

---

<sup>1</sup>Dr. Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal, *Al-Da'wah Ha Allah, Khasaisuha Muqawwamatuhu Manahijuha*. Kaherah 1977, hlm. 189. Dr. 'Ali Jarisyah, *Manahij al-Dak'wah Wa Asalibuh*. Kaherah 1987, hlm. 16

<sup>2</sup>Muhammad b. Makram b. Mauzur al-Afriqi, *Lisan al'Arab*, Dar Sadir Beirut t.t., Bab “Ba”’ Fasal “Sin” Juz 1 hlm. 473. Muhammad b. Ya'cob al-Fairuzabadi, *Kamus al-Muhit*, Muassasah al-risalat Beirut 1987. Bab “Ba”’ Fasal “Sin” hlm. 125.

mendekatkan kefahaman yang hendak disampaikan kepada sasaran agar dapat difahami dan diterima dengan mudah.

Dari pengertian bahasa dan istilah dapat difahami bahawa *uslub* ialah suatu kepandaian dan kebolehan dalam mengolah dan menjelaskan sesuatu fikrah yang disampaikan kepada sasaran dengan matlamat ianya difahami dengan mudah dan diterima. Jadi *Uslub* dakwah ialah kebijaksanaan di dalam mengolak dan membentangkan isi dakwah sesuai dengan keadaan sasaran dalam usaha menarik mereka menerima dakwah tersebut. Ia merupakan satu kebolehan atau bakat yang dapat diasah dan dikembangkan melalui latihan, penelitian, pengalaman dan kajian.

*Uslub* amat diperlukan oleh pendakwah sebagaimana dakwah itu sendiri memerlukan pendakwah yang dapat membawa dan menyebarkan dakwah kepada orang ramai. Ia ibarat anak kunci yang dengannya pendakwah dapat membuka penutup hati dan aqal. Tanpanya pendakwah menjadi lemah untuk niembawa dakwah meskipun ia memiliki ilmu yang banyak yang dapat diberikan pada bila-bila masa. Ini kerana ilmu dan *makrifah* merupakan satu sifat di antara sifat-sifat pendakwah serta satu bahagian dari seluruh bahagian yang saling menyempurnakan identiti pendakwah yang mana tidak boleh baginya untuk tidak ingin memiliki salah satu darinya.<sup>3</sup>

Syekh Muhamad Ibrahim Syaqrah mengatakan

*"Sesungguhnya dakwah bukanlah satu seni kepandaian yang dapat diusahakan sebagaimana seni-seni kepandaian yang lain, akan tetapi membentangkan dakwah adalah satu kebolehan yang besar yang menjadi kewajipan ke atas pendakwah mengelok serta menghalusinya agar memungkinkannya melaksanakan tanggungjawab dakwah, kerana dakwah yang terdiri dari hukum-hukum dan perundangan, peraturan-peraturan dan aqidah, akhlak dan perhubungan serta lain-lain, mungkin boleh dibaca melalui beberapa baris pekataan yang ditulis, tetapi ianya tidak dapat memberi pengaruh dan kesan ke atas pembacanya sebagaimana kesan pembentangan yang baik. Bahkan boleh jadi pembentangan secara baik menguasai tiga perempat dari kesan yang mempengaruhinya berbanding dengan satu suku lagi bagi*

<sup>3</sup>Mustafa Sadiq Rafi'e, *Wahy al-Qalam*, hlm: 30. Dr. Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal, *op. cit.*, hlm 189. Dr. Ali Jarisyah, *op. cit.*, hlm. 16.

*memahami dan meneliti dengan elok kepada prinsip-prinsip dakwah dan syariatnya.<sup>4</sup>*

Dengan itu *Uslub* boleh diumpamakan dengan garam di dalam makanan, di mana walau bagaimana sekalipun lazatnya sesuatu makanan itu pada pandangan mata, tetapi sekiranya tidak dicampur dengan garam yang secukup rasa akan menyebabkan hilangnya kelazatan dan selera apabila dimakan.

### **Asas *Uslub* Dakwah**

Oleh kerana dakwah Islam bertujuan menarik manusia beriman dengan risalah Islam sebagai panduan hidup yang lengkap lagi sempurna bagi manusia, dan iman pula merupakan perkara yang berhubungan rapat dengan pemikiran dan hati, maka *uslub* penyampaian pendakwah kepada dakwahnya hendaklah *uslub* yang dapat memberi kepuasan kepada fikiran serta menguasai hati dan jiwa sasaran.

*Uslub* penyampaian dakwah adalah banyak dan berbagai seperti *targhib*<sup>5</sup> dan *tarhib*<sup>6</sup>, penceritaan, membawa perumpamaan, menunjuk kepada perkara yang lebih penting, gurau senda, dialog dan soal jawab, mengambil peluang dari berbagai keadaan, mengajar melalui contoh tauladan dan lain-lain lagi.<sup>7</sup>

Bentuk-bentuk *uslub* dakwah yang banyak itu berteras atau bertapak di atas tiga asas utama yang telah dijelaskan oleh al-Quran sebagai asas *Uslub* penyampaian dakwah. Firman Allah:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَهِيلَهُمْ  
بِإِلَيْهِ هِيَ أَحْسَنُ إِلَيْ رَبِّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهْتَدِينَ ١٦٥

*"Serulah kejalan tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan*

<sup>4</sup>Rakaiz al-Dakwah Fi al-Qu'an, Jordan 1983, hlm. 32

<sup>5</sup>Targhib: Setiap perkara yang dapat menarik dan menyukarkan sasaran dakwah serta memudahkannya menerima kebenaran juga iltizam dengan kebenaran tersebut.

<sup>6</sup>Tarhib: Setiap perkara yang boleh menakut dan menggerunkan sasaran untuk tidak menerima seruan dakwah atau menolak kebenaran atau tidak tetap pendirian setelah menerima dakwah. Lihat Dr. Abd. al-Karim Zaidan, Usul al-Dakwah, cet. 3. Maktabah al-Manar al-Islamiyyah, 1976, hlm. 421.

<sup>7</sup>Dr. Abu al-Majd Sayyid Nawfal, al-Dakwah al-Islamiyyah, Khasaishuhu, Muqawwamatuhu, Manahijuha, cet. 1. Kaherah 1977, hlm. 189 - 194.

cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk”.<sup>8</sup>

Jadi semua *uslub-uslub* yang tersebut berpaksi di atas tiga *uslub* utama yang disebut dalam ayat di atas yang menuntut pendakwah memilih *uslub-uslub* itu sesuai dengan keadaan tempat, pemikiran, bahasa dan lain-lain dalam menyalurkan isi dakwah kepada sasaran sehingga penyaluran itu lahir dalam bentuk hikmah atau *mauizah hasanah* (nasihat yang baik) atau *Mujadalah bil latihia ahsan* (berdailog dengan cara yang lebih baik).

Contohnya dalam menetapkan keEsaan Allah di peringkat Makkah kita dapati Allah Ta’ala telah membawa ayat-ayat al-Quran dalam berbagai bentuk *uslub* penyampaian.

- i. Penyampaian dalam bentuk penceritaan seperti dalam cerita Nabi Ibrahim ketika berdepan dengan kaumnya yang menyembah cekrawala, patung berhala serta raja mereka Namrud, dalam surah al-Anam ayat 75 - 79, surah al-Anbia’ ayat 51 - 70 juga surah al-Baqarah ayat 258 - 259. Ketika Ibrahim cuba memperkenalkan Allah dan menyatakan bahawa segala sembahana selain dari Allah itu sia-sia belaka.
- ii. Dalam bentuk perumpamaan untuk mendekatkan kefahaman dalam menyatakan kelemahan segala bentuk sembahana yang diletakkan pengharapan serta pertolongan oleh manusia selain Allah. Contohnya Firman Allah:

مَثَلُ الَّذِينَ أَخْنَثُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْ لِيَكُمْ كُثُرٌ أَعْنَتِ الْمُنْكَبُرُونَ  
أَخْنَثَتْ بَسَاطَةً أَوْ هُنْ أَبْيُؤُتْ لَيْلَتَ الْمُنْكَبُرُونَ كَانُوا  
٦١ يَكْلُمُونَ

“Perumpamaan orang-orang yang menjadikan benda-benda yang lain dari Allah sebagai pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah yang membuat sarang (untuk tempat perlindungannya); pada hal sesungguhnya sarang yang sehabis-habis reput ialah sarang labah-labah kalaularah mereka orang-orang yang berpengetahuan”.<sup>9</sup>

<sup>8</sup> Al-Nahl: 125

<sup>9</sup> Al-Ankabut : 41

iii. Penyampaian dalam bentuk pertanyaan dan soal jawab seperti firman Allah:

قُلْ لَمَنِ الْأَرْضُ وَمَنْ فِيهَا إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ۝ سَيَقُولُونَ  
اللَّهُ قُلْ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ۝ قُلْ مَنْ رَبُّ الْأَنْشَاءِ إِنْ تَسْتَعِي وَرَبُّ  
الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ۝ سَيَقُولُونَ اللَّهُ قُلْ أَفَلَا تَنْتَقِلُونَ  
قُلْ مَنْ يَدْعُو، مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ بِهِ يُحِيرُ وَلَا يَجِدُ عَلَيْهِ  
إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ۝ سَيَقُولُونَ اللَّهُ قُلْ فَإِنْ تَسْحَرُونَ  
بِلْ أَتَيْتُهُمْ بِالْحِقْوَىٰ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ۝ مَا أَنْخَذَ اللَّهُ مِنْ وَلَدٍ وَمَا  
كَانَ مَعَهُ، مِنْ إِلَهٍ إِذَا ذَهَبَ كُلُّ إِلَهٍ بِمَا خَلَقَ وَلَعَلَّ بَعْضَهُمْ  
بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ سُبْحَنَ اللَّهُو عَمَّا يَصِفُونَ ۝ عَلَمَ الْفَيْيَنِ  
وَالشَّهَدَةُ فَتَعْلَمُ إِنَّمَا يَشْرِكُونَ ۝

"Tanyakanlah (Wahai Muhammad) "Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya, kalau kamu mengetahui?, mereka akan menjawab, "Kepunyaan Allah!, katakanlah "mengapa kamu tidak mahu mengingati (dan insaf?). Tanyakanlah lagi, "siapakah Tuhan yang memiliki dan mentadbir langit yang tujuh, dan tuhan yang mempunyai 'Arash yang bersar? mereka akan menjawab "(segala-galanya) kepunyaan Allah, katakanlah mengapakah kamu tidak mahu bertaqwa? Katakanlah lagi Siapakah yang memegang kuasa pemerintahan tiap-tiap sesuatu, serta ia dapat melindungi tiap-tiap sesuatu dan tidak ada sesuatu pun yang dapat diperlindungi daripada kekuasaannya? jawablah jika kamu mengetahui? Mereka akan menjawab "(segala-galanya dikuasai oleh Allah! Katakanlah, jika demikian kenapa kamu boleh tertarik hati kepada perkara-perkara yang tidak benar? (bukanlah sebagaimana tuduhan mereka) bahkan kami telah membawa kepada mereka keterangan yang benar dan sesungguhnya mereka adalah berdusta. Allah sekali-kali tidak mempunyai anak dan tidak ada sama sekali sebarang tuhan bersertanya; (kalauolah ada banyak tuhan) tentulah tiap-tiap tuhan itu akan menguasai dan menguruskan segala yang diciptakannya dengan sendirian dan tentulah setengahnya akan bertindak mengalahkan setengah yang lain!"

*Maha suci Allah dari apa yang dikatakan oleh mereka (yang musyrik) itu. (Allah) yang mengetahui akan segala yang tersebunyi dan yang nyata; maka (dengan yang demikian) Maha Tinggilah keadaanNya dari segala yang mereka sekutukan denganNya".<sup>10</sup>*

Banyak lagi bentuk *uslub* penyampaian dakwah al-Quran di dalam menjelaskan dasar utama Islam di peringkat Makkah iaitu penanaman akidah yang benar terhadap Allah.

### 1. Hikmah

Hikmah diambil dari kata dasar (Hakama) yang bererti memutuskan ketetapan.

*Al-Hakam* diertikan juga dengan *al-Qada'* iaitu keputusan. *Al-Hakim* ialah orang yang membuat keputusan. *Al-Hakim* orang yang mengetahui serta teliti dalam semua perkara.<sup>11</sup>

Dikatakan "*Ahkam al-amr*" "diperkemaskan sesuatu", ertinya diteliti dan dihalusi sesuatu itu. "Ia menjadi bijaksana kerana pengalaman", dikatakan kepada seseorang apabila ia bijak di dalam membuat keputusan.<sup>12</sup>

Hikmah juga diertikan dengan menahan dan mencegah dari kerosakan diambil dari penggunaan orang Arab kepada tali pengikat atau pengekang kuda bagi mencegahnya berlari tanpa tujuan serta memudahkan penunggang mengendalikannya, dikatakan "*Hakamat al-Lijam*". Dari situ diambil perkataan hikmah. Dikatakan "*Surah Muhakkamah*" iaitu yang tercegah dari berlakunya perubahan dan pertukaran dengan memasukkan perkara asing darinya atau menambah perkara lain. Dengan itu erti hakim ialah "orang yang mencegah dari berlaku kerosakan apabila ia bijak, teliti dan tepat dalam membuat keputusan sehingga mencegahnya terkeluar dari apa yang dikehendaki".<sup>13</sup>

Hikmah diertikan juga dengan adil, berilmu, lemah lembut, kenabian, al-Quran dan Injil.<sup>14</sup>

<sup>10</sup>Al-Mu'minun: 84-92

<sup>11</sup>Muhammad b. Makram ibn Manzur al-Afriqi *op. cit.*, hlm. 140, Muhammad Ibn Abi Bakr al-Razi, "*Mukhtar al-Sihah*" Mesir, 1950, hlm. 165. *Mu'jam al-Wasit*, juz 1; hlm. 189 - 190.

<sup>12</sup>Muhammad b. Yusoff al-firuz abadi, *Kamus al-Muhid*, Bab "mim" Fasal "Ha", hlm. 14 - 15

<sup>13</sup>Qurtubi, *al-Jame' Li Ahkam al-Quran*, Juz 1, hlm. 288.

<sup>14</sup>Al-Fairuzabadi, *op. cit.*, Juz 4, hlm. 98. Ismail b. Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim* (terkenal dengan Tafsir Ibn Kathir) Juz 1, hlm. 323. Mahmud Jarullah al-Zamakhsyari, *al-Kasyaf An Haqaiq al-Tanzil Wa Uyun al-Aqawil Fi Wujuh al-Ta'wil*, Juz 1. hlm. 38. (Selepas ini disebut al-

Imam Fakhr al-Razi menyebut bahawa hikmah dalam al-Quran datang dalam empat pengertian:-

**Pertama** : Segala nasihat al-Quran, berdasarkan Firman Allah:

وَأَذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْنَاكُمْ وَمَا أَرْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنَ الْكِتَابِ وَالْحِكْمَةِ  
بِعَظَمَتِهِ

*“Dan (kenangkanlah) apa yang diturunkan kepada kamu iaitu kitab (al-Quran) dan ilmu hikmah, untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya.”<sup>15</sup>*

**Kedua** : Kefahaman dan Ilmu, diambil dari firman Allah:

وَلَذِقَ الْقَمَنُ لِابْنِهِ وَهُوَ بِعُظُلِهِ

*“Sesungguhnya kami telah memberikan kepada Lokman hikmah kebijaksanaan”.<sup>16</sup>*

**Ketiga** : Kenabian berdasarkan Firman Allah:

فَقَدْ مَاتَتْ آمَانَةُ إِبْرَاهِيمَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ

*“Sesungguhnya kami telah berikan kepada keluarga Ibrahim kitab (agama) dan hikmah (pangkat Nabi). ”<sup>17</sup>*

**Keempat** : Al-Quran dan segala rahsia yang mengagumkan yang terdapat di dalamnya. Sebagaimana difahami dari Firman Allah:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ

*“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan”<sup>18 19</sup>*

---

Zamakhshari sahaja). Muhammad Ibn Jarir al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, Juz 2, hlm. 24 (Selepas ini disebut Ibn Jarir al-Tabari sahaja).

<sup>15</sup> Al-Baqarah: 231

<sup>16</sup> Luqman: 13

<sup>17</sup> Al-Nisa': 54

<sup>18</sup> Al-Nahl: 125

<sup>19</sup> Fakhr al-Razi, *Tafsir al-Kabir*, Juz 3, hlm. 515

Dari segi istilahnya pula hikmah di difinasikan dengan berbagai pengertian seperti berikut:

- i. Tepat dalam kata-kata dan perbuatan.<sup>20</sup>
- ii. Meletakkan sesuatu tepat pada tempat dan keadaannya.<sup>21</sup>
- iii. Diertikan juga dengan makna sunnah, sebagaimana ditafsirkan oleh Imam al-Syafei, Qatadah, Muqatil, Ibn Hayyan, Abu Malik, al-Hassan serta ramai lagi.<sup>22</sup>
- iv. Ibn Abbas mentafsirkan hikmat dengan mengenali al-Quran dan ilmu-ilmu yang berhubungan dengan *Nasikh* dan *Mansukh*, *Muhkam* dan *Mutasyabih*, yang dahulu dan kemudian halal dan haram dan seumpamanya.<sup>23</sup>
- v. Setiap percakapan yang menepati kebenaran.<sup>24</sup>
- vi. Perkara yang betul dan benar.<sup>25</sup>
- vii. Mengetahui sebaik-baik perkara dengan sebaik-baik ilmu.<sup>26</sup>
- viii. Syariat dan penjelasan hukum-hukumnya.<sup>27</sup>
- xi. Mengenali agama, memahami serta menghayatinya sebagaimana yang ditafsirkan oleh Imam Malik, Abu Razin dan Ibn Zaid.<sup>28</sup>

Ada setengah ulama' menyebut pengertian hikmah dalam dua puluh sembilan pengertian.<sup>29</sup>

Kata al-'Aini "hikmah menunjukkan kepada ilmu yang halus, terperinci dan kemas serta tepat di mana mengajarkannya memberikan kesempurnaan di sudut keilmuan dan memutuskan dengannya memberikan kesempurnaan di sudut kerja."<sup>30</sup>

<sup>20</sup>Ibn Jarir al-Tabari, *op.cit.*, Juz 1, hlm. 337-558. Fakhr al-Razi, *op.cit.*, Juz 4, hlm. 66-67, al-Zamakhsyari, *op.cit.*, Juz 2 hlm. 435.

<sup>21</sup>Abu Hayyan al-Andalusi, *Tafsir Bahr al-Muhit*, Juz 1, hlm. 393, Fakhr al-Razi, *op.cit.*, Juz 4, hlm. 66-67.

<sup>22</sup>Ismail bin Kathir, *op.cit.*, Juz 1, hlm. 185. Abd. al-Rahman ibn Abi Bakr al-Suyuti (selepas ini disebut al-Suyuti sahaja) *al-Dur al-Manthur Fi al-Tafsir Bi al-Ma'thur*, Juz 1, hlm. 139. Ibn Jarir al-Tabari, *op.cit.*, Juz 1 hlm. 557.

<sup>23</sup>Abu Hayyan al-Andalusi, *op.cit.*, Juz 1, hlm. 393. Ibn Kathir, *op.cit.*, Juz 1, hlm. 323,

<sup>24</sup>Ibn. Kathir, *op.cit.*, Juz 1, hlm. 323, Ibn Jarir al-Tabari, *op.cit.*, Juz 1, hlm. 557-558.

<sup>25</sup>Said b. Ali bin Wahf al-Qahtani, *al-Hikmah Fi al-Da'wah Ita Allah*, Riyadh, 1992, hlm. 26-27.

<sup>26</sup>Muhammad Hussin Fadil Allah, *Uslub al-Da'wah Fi al-Qu'r'an*, hlm. 44.

<sup>27</sup>Al-Zamakhsyari, *op.cit.*, Juz 1, hlm. 312.

<sup>28</sup>Muhammad Jamal al-Din al-Qasami, *Tafsir al-Qasimi*, Juz 1, hlm. 129. Abu Hayyan al-Andalusi, *op.cit.*, Juz 1, hlm. 393, Fakhr al-Razi, *op.cit.*, Juz 1, hlm. 66. Al-Qurtubi, *op.cit.* Juz 2, hlm. 131.

<sup>29</sup>Dr. Ali Jurisyah, *Manahij al-Da'wah Wa Asalibuh*, hlm. 87. Said b. Ali b. Wahf al-Qahtani, *op.cit.*, hlm. 27.

Kata al-Zamakhsyari “hikmah ialah kata-kata yang tepat lagi kemas, rapi dan merupakan dalil yang dapat menjelaskan kebenaran serta menghilangkan kekeliruan”.<sup>31</sup>

Kesemua pengertian yang telah disebutkan di atas adalah bahagian-bahagian dari hikmah bukan hikmah itu sendiri. Ini dapat kita tanggapi dengan jelas sekiranya kita kembali kepada puca penggunaan perkataan tersebut, kita akan dapati ianya bukan pengertian sebenar kepada hikmah. Tidak terlintas di fikiran kita apabila disebut peòkataan hikmah maka ianya mengandungi erti keadilan, kelembutan, ilmu, kenabian dan lain-lain. Akan tetapi tidaklah ditegah menggunakan perkataan hikmah dengan pengertian-pengertian tersebut kerana kesemua erti-erti tersebut bertemu dengan hikmah dalam pengertiannya yang luas.

Kalau kita kembali kepada asal perkataan hikmah yang diambil dari penggunaan orang Arab keapda tali pengikat kuda dengan tujuan mencegahnya dari berlari tanpa haluan, juga bagi memudahkan penunggang mengendalikannya. Punca perkataan ini boleh digunakan kepada pengertian ‘adil, kerana keadilan boleh mencegah orang yang bersifat dengannya dari melakukan kezaliman. Kelembutan mencegah orang yang bersifat dengannya dari terjatuh ke dalam sifat pemarah tanpa sebab yang sepatutnya. Keilmuan dapat mencegah pemiliknya dari terjatuh ke dalam kejahilan. Kenabian, al-Quran dan injil, kerana Nabi diutuskan untuk mencegah manusia dari beribadat kepada selain dari Allah. Serta mencegah dari terjatuh ke dalam kedurhakaan dan dosa.

Al-Quran, Injil dan semua kitab-kitab, langit yang diwahyukan kepada Nabi-nabi mengandungi perkara yang dapat mencegah manusia dari terjatuh ke dalam syirik dan segala perbuatan mungkar serta keji.<sup>32</sup>

Dari berbagai pengertian yang diberikan ternyata kepada kita bahawa pengertian yang paling hampir kepada hikmah ialah “teliti dan rapi hasil dari pengalaman”, menepati kebenaran dari sudut ilmu dan amalan,” “tepat dalam kata-kata dan perbuatan”, “meletakkan segala sesuatu pada tempatnya”, juga perkara yang betul dan benar”. Ini ialah kerana apabila kita menyebut pengertian-pengertian ini maka dengan sendirinya akan terlintas di fikiran kita bahawa erti kepada pengertian tersebut ialah hikmah.

Dengan ini kita dapati sifat-sifat hikmah dapat bertemu dengan perkataan kepakaran, kebiasaan dan pengalaman, kerana kita menganggap bahawa manusia

<sup>30</sup>Badr al-Din Mahmud b. Ahmad al-'Aini (Masyhur dengan gelaran al-'Aini sahaja) “*Umdat al-Qari*”, Juz. 2 hlm. 58.

<sup>31</sup>Al-Zamakhsyari, *op.cit.*, Juz 2, hlm. 435.

<sup>32</sup>Said b. Wali b. Khaf al-Qahtani, *op.cit.*, hlm. 25.

yang dibekalkan dengan pengertian-pengertian ini adalah manusia yang bijak, sebab dari pengalaman, kepakaran dan kebiasaan melakukan sesuatu dapat membantunya memberikan pandangan yang tepat serta pemusatan kepada kerjanya yang dapat mengelakkan dari berlakunya pemesongan, kecacatan dan tidak tepat. Bahkan dapat menjadikannya berada di tempat sesuai serta selaras dengan pengertian “meletakkan sesuatu di tempatnya”.

Apa yang dibincangkan di atas ternyata dengan lebih jelas lagi apabila kita meneliti ibarat yang biasa digunakan oleh orang ramai iaitu “selesaikanlah semua perkara dengan hikmah” atau “melakukan sesuatu perkara dengan penuh kebijaksanaan”, kerana pengertian dari ibarat tersebut ialah “cara yang baik”.

### **Hikmah Dan Pendakwah**

Dari perbincangan lalu - dalam membicarakan pengertian himah - ternyata bahawa ianya adalah pernyataan tentang bentuk *uslub* penyampaian dakwah yang perlu bersifat dengan hikmah serta mengikuti jalan-jalan hikmah. Ayat yang sedang dibicarakan di sini seolah-olah cuba memberi panduan kepada jalan dakwah yang praktikal dalam membawa hidayah kepada manusia, mendidik dan menghasilkan bilangan penganut Islam yang ramai, hendaklah pendakwah meneliti realiti luaran masyarakat yang dijadikan sasarnya, dengan mengkaji mentaliti dan pemikiran, kejiwaan serta suasana kemasyarakatannya.

Sesungguhnya sesuatu dakwah itu tidak akan praktikal sekiranya pendakwah cuba menyamarkan antara orang jahil dengan yang berilmu pengetahuan dalam bentuk pemikiran yang diajukan, begitu juga gaya penyampaian yang digunakan kerana deria tanggapan dan daya fikir yang dimiliki oleh setiap kumpulan manusia berbeza, di samping itu dalam sesetengah keadaan pendakwah dituntut bersemangat, sedangkan pada waktu yang lain berhajat kepada suasana tenang dan saksama yang boleh memberi peluang kepada pemikiran untuk berfungsi dan roh untuk berasa tenang. Kadang-kadang keadaan mendorong pendakwah membentangkan dakwahnya kepada sasaran secara terperinci, sedangkan di waktu yang lain memedai baginya dengan membentangkan garis-garis kasar sahaja.

Dari perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa hikmah di dalam sifatnya sebagai satu bentuk *uslub* dalam dakwah merupakan penyampaian yang berbentuk teliti, mendalam serta jelas dalilnya. Ia memberikan dalil dan kenyataan pasti. Sebab itu ketika Allah berfirman “serulah ke jalan Tuhanmu dengan bijaksana” maka arti bijaksana mengikut Abu al-Sa’ud ialah “kata-kata yang kemas dan tepat, yang merupakan dalil yang menjelaskan kebenaran serta

menghilangkan kekeliruan yang ditujukan secara terus kepada aqal<sup>33</sup> dan pemikiran tanpa menggerakkan perasaan kejiwaan dan memainkan sentimen.<sup>34</sup>

## 2. Memberi Nasihat Yang Baik (*al-Mauizah al-Hasanah*)

Mauizah berasal dari kata dasar *Wa 'az*. *al-Wa'azu* ertiinya memberi nasihat dan peringatan terhadap akibat yang tidak baik. Dikatakan “orang yang berbahagia ialah yang mengambil nasihat dari orang lain, orang yang malang ialah sesiapa yang orang lain mengambil nasihat darinya.”<sup>35</sup>

Di dalam kamus “*Misbah al-Munir*” disebut bahawa *al-Waaz* ialah wasiat dan perintah. *Mauizah* pula ialah nama kepada peringatan tersebut.<sup>36</sup>

Kata Ibn Kathir “memberi nasihat yang baik ialah dengan menyatakan segala tegahan yang terdapat dalam al-Quran dan sunnah serta memberi peringatan terhadap kejadian yang pernah menimpa manusia dengan mengingatkan orang lain tentang kejadian tersebut supaya mereka beringat-ingat dari balasan Allah.”<sup>37</sup>

Kata setengah ahli tafsir “*al-Wa'az al Hassan*” ialah memalingkan diri dari perkara-perkara buruk dalam bentuk targhib supaya meninggalkannya serta merasa hina melakukannya. Ianya akan melembutkan hati serta melahirkan kekhusu'kan”.<sup>38</sup>

Kata al-Alusi “*Mauizah al-Hasanah*” ialah percakapan yang memberikan kepuasan serta susunan kata-kata yang bermanfaat yang tidak tersembunyi kepada orang yang didakwahkan bahawa pendakwah bertujuan memberi nasihat dengan kata-kata tersebut.<sup>39</sup>

Ulama'-ulama' tafsir ketika menafsirkan perkataan “*Mauizah Hasanah*”, kebanyakannya melihat Mauizah sebagai nasihat yang berupa dalil-dalil yang menghampiri kebenaran serta memberikan rasa kepuasan kepada hati kerana ia membangkitkan perasaan sentimen baik yang ada dalam diri.

Ternyata dariuraian di atas bahawa *Mauizah Hasanah*, adalah sebagai satu bentuk gaya penyampaian dakwah yang menjadikan dakwah disukai dan diterima dengan baik tidak meliarkan sasaran. Menyenangkan tidak menyusahkan, kerana

<sup>33</sup> Muhammad b. Muhammad al-Amadi, *Irsyad al-Aql al-Salim Ilia Mazaya al-Quran al-Karim*, Beirut, 1994, Jilid 5, hlm. 151.

<sup>34</sup> Muhammad b. Abu Bakr al-Razi, *op.cit.*

<sup>35</sup> Ahmad b. Muhammad b. Ali al-Fayyumi al-Muqri, *al-Misbah al-Munir*, Lubnan 1978, hlm 255.

<sup>36</sup> *Tafsir Ibn Kathir*, Juz 2, hlm. 593.

<sup>37</sup> Muhammad Hussin Fadl Allah, *op.cit.*, hlm. 52.

<sup>38</sup> *Tafsir Ruh al-Maani*, Juz 14, hlm. 254. Al-Zamakhshari, *op.cit.*, Juz 2, hlm. 435.

ianya *uslub* yang menjadikan sasaran merasakan bahawa peranan pendakwah terhadapnya adalah seperti seorang kawan yang memberi nasihat serta mencari perkara yang membawa faedah juga menggembirakan sasaran. Keadaan ini akan membangkitkan rasa kejiwaan yang hampir antara pendakwah dan sasaran kerana adanya pengaruh sentimen dan kesedaran perasaan di samping kejelasan yang memperlihatkan bahawa matlamat dakwah adalah memberi nasihat di samping mengawal sasaran dari terjatuh ke dalam perkara yang tidak diingini.


Syed Qutb mengatakan “*Mauizah Hasanah*” ialah cara masuk ke dalam hati dengan lemah lembut, menyelami perasaan secara halus, bukan dengan mengherdik, bukan juga dengan mencela dalam perkara-perkara yang tidak wajib dicela, bukanya dengan membuka tembelang kesalahan yang kadang-kadang berlaku dengan sebab kejahilan atau dengan niat yang baik. Sesungguhnya lemah lembut dalam memberi nasihat dapat memberi hidayah kepada banyak hati-hati yang jahat, menjinakkan hati-hati yang liar yang membawa hasil yang lebih baik dari menggunakan kata-kata kasar, celaan dan cacian.<sup>39</sup>

### 3. Berdebat Dengan Cara Lebih Baik

*Jadal* (debat) dari sudut bahasa membawa erti perseteruan dan permusuhan yang kuat. Diambil dari perkataan *al-Jadl* yang bererti tali yang tersimpul kuat.

Mujadalah adalah nama bagi perbuatan jadal.

Dalam ilmu perdebatan *jadal* ialah perdebatan bukan dengan tujuan untuk menzahirkan kebenaran bahkan untuk mengalahkan lawan. Firman Allah;



“Dan sememangnya manusia itu, sejenis makhluk yang banyak sekali bantahaninya”<sup>40</sup>

Maksud ayat di atas; pertelingkahan di dalam pendapat dan bermusuhan kerana kebatilan.<sup>41</sup>

Perdebatan (*Mujadalah*) berbeza dengan (*Muhawarah*) dailog, kerana dailog ialah bertukar pendapat antara dua pihak, berpindah dari yang pertama kepada

<sup>39</sup> *Fi Zilal al-Quran*, Juz 4, hlm. 2202.

<sup>40</sup> Al-Khof : 54

<sup>41</sup> Ibn. Manzur al-Afniqi, *op.cit.*, Bab “Lam” fasal “Jim”, Juz 11, hlm. 105. Muhammad Ibn Abu Bakr al-Razi, *op.cit.*, hlm. 111. *Mu’jam al-Wasit*, Juz. 1, hlm. 111-112.

yang kedua dan kembali kepada yang pertama begitulah seterusnya, tanpa ada tanda-tanda yang menunjukkan kedua-dua pihak perlu adanya permusuhan.<sup>42</sup>

Di dalam al-Quran terdapat nas-nas yang menjelaskan perbezaan antara keduanya, di mana al-Quran menggunakan perkataan jadal di tempat-tempat yang tidak diredhai dan tidak mendatangkan manfaat seperti Firman :

وَجَهَدُوا بِأَبْكَلٍ لِّيُنْهَا حَصْوَاهُ إِلَى الْحَقِّ فَأَخْذَهُمْ

*“Dan mereka pula telah membantah dengan perkara yang salah untuk menghapuskan kebenaran dengan perkara yang salah itu”.*<sup>43</sup>

Firman Allah lagi;

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجَدِّلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُّبِينٍ

*“Dan ada di antara manusia yang membantah dalam perkara yang berhubung dengan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan, dan tidak berdasarkan sebarang keterangan, dan tidak juga berdasarkan mana-mana kitab Allah yang menerangi kebenaran.”*<sup>44</sup>

Perkataan jadal disebut sebanyak dua puluh sembilan (29) kali di dalam al-Quran.<sup>45</sup>

Walau bagaimanapun penggunaan *jadal* (debat) dalam al-Quran adalah dengan erti *Muhawarah* (dailog), kerana bertujuan mencari kebenaran. Dengan sebab itu ianya dikaitkan dengan perkataan atau cara yang lebih baik.<sup>46</sup>

Kata Ibn Kathir “*Mujadalah ialah Munazarah* (perdebatan) oleh itu sesiapa di kalangan mereka yang berhajat kepada perdebatan maka hendaklah dengan cara yang baik, lemah lembut dan percakapan yang elok”.<sup>47</sup>

<sup>42</sup>Yahya b. Muhammad Hasan b. Ahmad Zamzami, *al-Hiwar Adabuhu fi Dawi al-Kitab Wal al-Sunnah*, Makkah al-Mukarramah 1994, hlm. 22.

<sup>43</sup>Ghafir : 5

<sup>44</sup>Al-Hajj : 8

<sup>45</sup>Himpunan Pemuda Islam Sedunia (WAMY), *Fi Usul al-Hiwar*, Riyadh, 1987, hlm. 9.

<sup>46</sup>Dr. Ali Jarisyah, *Adab al-Hiwar Wa al-Munazarah*, Kaherah, 1989, hlm. 23.

<sup>47</sup>*Tafsir Ibn Kathir*, Juz. 2, hlm. 593.

Kebanyakan ulama' tafsir berpendapat bahawa berdebat bukanlah *uslub* dakwah asal yang dituntut dari pendakwah, tetapi ianya merupakan *uslub* yang terpaksa digunakan sesuai dengan cara yang dilakukan oleh sasaran yang tidak menerima kebenaran sebaliknya menentang dan melakukan debat untuk memalukan pendakwah.

Kata Fakhr al-Razi "di antara kehalusan kefahaman ayat 125 Surah al-Nahl ialah; ayat ini membataskan dakwah kepada dua bahagian sahaja iaitu hikmah sekiranya menggunakan dalil-dalil yang pasti dan *mauizah hasanah* sekiranya dengan dalil *dzanni*. Adapun perdebatan (*jadal*) maka ianya tidak termasuk ke dalam bab dakwah. sebaliknya dimaksudkan dengan tujuan lain yang berlainan bagi dakwah iaitu pemaksaan serta mematikan hujjah lawan. Dengan sebab itu Allah tidak mengatakan "serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik serta perdebatan yang lebih baik", sebaliknya diasingkan *jadal* dari bab dakwah dengan mengatakan "berdebatlah dengan mereka dengan cara yang paling baik". Tujuannya untuk mengatakan bahawa debat tidak boleh menghasilkan tujuan dakwah.<sup>48</sup>

Kata Syed Qutb "dengan berdebat secara lebih baik, tanpa tuduhan berat sebelah ke atas pihak yang berlainan pendapat, tanpa menghina dan memburukkannya sehingga beliau merasa tenang hati terhadap pendakwah serta merasakan bahawa bukan tujuan pendakwah untuk menang dalam perdebatan, tetapi untuk menyakinkannya serta untuk sampai kepada kebenaran, sebab jiwa manusia memiliki sikap angkuh dan penentangan di mana ia tidak akan meninggalkan pendapat yang dipertahankannya kecuali dengan cara lembut sehingga tidak terasa dikalahkan. Perdebatan dengan kasar akan segera bercampur dalam jiwa, nilai pendapatnya dan nilai dirinya pada pandangan umum, sehingga dia mengira meninggalkan pendapatnya adalah sebagai menurunkan kehebatan, penghormatan juga keperibadiannya. Berdialog secara baik sahajalah yang dapat menyekat sentimen yang sompong ini, dimana orang yang didebatkan merasa dirinya terkawal dan nilai-nilai dirinya dihormati serta merasakan bahawa pendakwah tidak bermaksud selain dari menjelaskan hakikat yang ada pada dirinya serta memandunya ke jalan Allah. Bukan untuk peribadi pendakwah dengan memenangi pendapatnya dan mengalahkan pendapat orang lain.<sup>49</sup>

Dari penjelasan di atas ternyata bahawa berdebat secara terbaik merupakan salah satu dari *uslub* di dalam berdakwah ketika berhadapan dengan sasaran yang

<sup>48</sup>Fakhr al-Razi, *op.cit.*, Juz 20, hlm. 138. Hassan b. Muhammad al-Qummi al-Nisaburi, *Gharaih al-Quran Wa Raghayib al-Furqan*, Juz 14, hlm. 130. Marah Labid, *Tafsir al-Nawawi*, Juz 1, hlm. 369.

<sup>49</sup>*Fi Zilal al-Quran*, Juz 4, hlm. 2302.

tidak setakat menolak kebenaran tetapi sebaliknya cuba menentang melalui perdebatan bagi mengelirukan kebenaran dan menolaknya.

Dari sini juga ternyata bahawa debat itu mempunyai dua bentuk iaitu yang dipuji dan dianjurkan agama serta yang dicela dan dilarang.

Kata Fakhr al-Razi “jadal” (debat) yang tercela ialah yang digunakan untuk menetapkan kebatilan serta menuntut harta dan pangkat. Manakala yang dipuji pula ialah yang digunakan untuk menetapkan kebenaran dan menyeru manusia semua ke jalan Allah serta mempertahankan agamanya”.<sup>50</sup>

### Perbezaan Antara ketiga-tiga Kefahaman

Dari hurian yang lalu kita dapat melihat dengan jelas perbezaan antara nasihat yang baik dengan berdebat secara yang lebih baik serta hikmah.

Hikmah adalah merupakan gaya bahasa penyampaian yang kemas dan tepat melalui hujjah serta dalil-dalil pasti termasuk analisa-analisa yang memberikan keyakinan. ia lebih ditujukan kepada aqal dan pemikiran manusia tanpa menggerakkan perasaan dan sentimen kejiwaan.<sup>51</sup>

*Mujadalah* pula bermaksud *munazarah* (pertengkaran antara dua pihak) yang bertentangan di mana pihak (lawan) di dalam perdebatan ini tidak mendiamkan diri sebaliknya berdialog serta mempertahankan apa yang telah tertanam dalam dirinya dari segala kesamaran, kekeliruan dan kebatilan:

Di dalam *Mauizah Hasanah* pula, sasaran dakwah mendengar dengan teliti kepada mauizah (segala bentuk peringatan dan nasihat) kerana ia lebih ditujukan kepada membangkitkan perasaan dan tindak balas dari segi kejiwaan kepada *mauizah* tersebut tanpa berhajat kepada pertengkaran dengan perkataan.

Dari sini ternyata bahawa dakwah ke jalan Allah didirikan di atas *Uslub* yang baik didasarkan kepada hujjah dan dalil yang dapat memberi kepuasan kepada aqal dan hati, membangkitkan perasaan serta menggerakan sentimen baik yang ada dalam diri ke arah kebenaran dan kebaikan, serta berbincang secara baik yang dapat menghilangkan perasaan kegoaan dalam diri orang-orang yang berbincang serta menghapuskan perasaan sombong dan menentang serta berterusan di atas kesalahan dengan cara sanggup mendengar dengan baik serta menganggap apa yang disampaikan itu adalah kebenaran yang mesti dipegangi, bukan mencari kemenangan.

<sup>50</sup> *Tafsir al-Kabir*, Juz 2, hlm. 252

<sup>51</sup> Dr. Ahmad Ghallush, *al-Da'wah al-Islamiyah Usuluhu Wa Wasailuhu*, hlm. 280.

## Untuk Siapa Digunakan Ketiga-tiga *Uslub*

Allah Ta'ala telah menyatakan tiga asas *Uslub* dakwah melalui ayat 125 dari surah al-Nahl yang menjelaskan kepada kita bahawa di sana terdapat tiga kumpulan manusia dinisbahkan kepada penggunaan *uslub* dakwah berdasarkan penerimaan mereka. Setiap kumpulan memerlukan ianya didakwahkan dengan *uslub* yang sesuai baginya.

Begitulah yang difahami oleh para ulama' apabila mereka mengklasifikasikan manusia dari sudut penggunaan *uslub* dakwah terhadap mereka kepada tiga bentuk, dalam erti manusia semua dari sudut penerimaan mereka kepada dakwah boleh di golongkakan kepada tiga kelompok.

Kelompok pertama ialah mereka yang memiliki jiwa yang terang, mempunyai persiapan yang kuat untuk menanggap berbagai pengertian dan kefahaman, amat tertarik kepada prinsip-prinsip yang tinggi dan unggul, cenderung kepada menghasil keyakinan dan kepastian dalam berbagai tingkatan. Mereka ini adalah golongan yang disifatkan oleh Dr. Human Abd al-Rahim Said sebagai golongan yang memiliki pengkhususan dalam berbagai bidang ilmu atau golongan intelektual dan profesional dalam berbagai bidang ilmu, mereka ini perlu didakwahkan dengan hikmah.<sup>52</sup>

Golongan kedua ialah orang awam yang tidak berpendidikan tinggi yang mana jiwa mereka kurang bercahaya, persediaan dan kemampuan berfikir mereka lemah, amat suka kepada perkara-perkara yang dapat ditanggapi dengan pancaindera. Amat terikat dengan lambang dan tradisi serta terbatas dalam tingkatan dalil, tetapi mereka ini tidak menentang. Mereka ini perlu diseru dengan "Mauizah al-Hasanah."<sup>53</sup>

Berurusan dengan kumpulan ini serta menyeru mereka amat payah kerana keadaan mereka adalah seperti orang yang mula-mula belajar membaca dan menulis, segala kesusahan atau penjelasan yang sulit boleh memalingkan mereka dari dakwah. Mereka ini tidak boleh diberikan permasalahan yang payah, huraian-huraian terperinci, dalil-dalil yang susah difahami serta peraturan yang berbagai-bagai. Keperluan mereka yang khusus serta suasana hidup mereka adalah merupakan saluran yang paling dekat untuk menguasai hati mereka. Contoh yang diambil dari persekitaran adalah merupakan contoh yang mudah difahami. Golongan ini lebih banyak dikuasai oleh sentimen dari aqal. Oleh itu *uslub* yang paling sesuai bagi mereka ialah *mauizah* (nasihat yang baik). Penggunaan *targhib* dan *tarhib* memberi pengaruh yang besar kepada jiwa mereka. Cerita-cerita dan

<sup>52</sup> *Qawaid al-Da'wah Ilia Allah*, hlm. 74.

<sup>53</sup> Dr. Ahmad Ahmad Ghallush, *op.cit.*, hlm. 281.

perumpamaan yang diambil dari persekitaran atau perkara yang ada hubungan dengan kehidupan harian mereka. Di antara perkara yang menguatkan himmah mereka ialah cerita-cerita orang-orang soleh, berita-berita tentang wali-wali, serta peristiwa-peristiwa dalam sirah yang dibawa dalam bentuk penceritaan semata-mata bukan secara analisa.<sup>54</sup>

Al-Quran banyak sekali membawa dalil-dalil bentuk ini, bahkan inilah *uslub* pertama Rasulullah dengan sasaran dakwahnya sebelum ternyata penentangan dari mereka, tetapi apabila ternyata penentangannya Rasulullah akan berpindah kepada *uslub mujadalah bi al-husna* (berdebat dengan cara paling baik) sebagaimana yang berlaku kepada seorang kafir Quraish yang datang kepada Rasulullah dengan membawa seketul tulang yang telah reput lalu dihancurkannya di hadapan Rasulullah (s.a.w.) seraya mengatakan kepada baginda dalam bentuk sindiran dan cabaran “apakah Allah boleh mengembalikan tulang yang telah menjadi debu? Rasulullah menjawab dengan mengatakan “ya” Allah akan bangkitkan kamu kemudian memasukkan kamu ke dalam neraka,<sup>55</sup> kemudian Allah menurunkan FirmanNya:

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيْ خَلْقَهُ قَالَ مَنْ يُحْكِمُ الْعِظَمَ وَهِيَ رَمِيمٌ  
قُلْ يُحْكِمُهَا اللَّهُ أَنْشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةً وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٧﴾

“Ia mengemukakan satu mithal perbandingan kepada kami (tentang kekuasaan itu), dan ia pula lupakan keadaan kami menciptakannya sambil ia bertanya “siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang keadaannya telah hancur seperti debu? katakanlah “tulang-tulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang menciptakannya pada awal mula wujudnya; dan ia amat mengetahui akan segala keadaan makhluk-makhluknya (yang diciptakannya)”<sup>56</sup>

Contoh *Uslub al-Mauizah* di dalam al-Quran ialah seperti Firman Allah:

<sup>54</sup>Dr. Hamam Abd. al-Rahim Said, *op.cit.*,

<sup>55</sup>Muhammad 'Ali al-Sabuni, *Safwat al-Tafsir*, Beirut, 1981, Jil. 3 hlm. 24.

<sup>56</sup>Yasin : 78-79

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّكُمْ فِي رَبِّ مِنَ الْبَعْثَ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ تُرَابٍ  
ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلْقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْعَفَةٍ مُخْلَقَةٍ وَغَيْرَ مُخْلَقَةٍ  
وَغَيْرِ مُخْلَقَةٍ لَتَبَيَّنَ لَكُمْ وَنَقْرَفُ الْأَرْضَ مَا نَشَاءُ إِنَّ أَجْلَ  
شَسَئِيمٍ لَمْ نُخْرِجْكُمْ طَفْلًا ثُمَّ لَتَبْلُغُوا أَشَدَّ كَعْمَ وَمِنْ كُمْ  
مِنْ يُنَوَّفَ وَمِنْ كُمْ مِنْ يُرَدَ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ  
مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا فَزَنَاهُ عَلَيْهَا الْمَاءُ  
الْمَاءُ أَهْبَرَتْ وَرَبَتْ وَأَنْبَتَ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ۝ ذَلِكَ بَيَانٌ  
اللَّهُ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّهُ يُحْكِي الْمَوْقِعَ وَأَنَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ وَقَدِيرٌ ۝

"Wahai sekalian manusia jika sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatikamlah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadinya dan yang tidak disempurnakan; (kami jadikan secara yang demikian) kerana kami hendak menerangkan kepada kamu (akan kekuasaan kami); dan kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang kami rancangkan hingga kesuatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak kemudian (kamu dipelihara sehingga ke peringkat dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan apa pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak ketahui lagi akan sesuatu yang diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah dia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai. (Kedua-dua kenyataan) yang tersebut membuktikan bahawa sesungguhnya Allah jualah Tuhan yang sebenarnya (yang berhak disembah), dan sesungguhnya

*Dialah yang menghidupkan makhluk-makhluk yang mati, dan  
Dialah juga yang amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.<sup>57</sup>*

Golongan Ketiga; yang menentang dan berbantah dengan kebatilan dengan tujuan untuk menolak kebenaran kerana dikuasai oleh taqlid kepada pegangan datok nenek serta aqidah kebatilan yang telah bertapak dengan kuat di dalam hati sehingga tertutup dari dimasuki oleh cahaya kebenaran dan iman. Golongan ini mestilah didakwahkan dengan Mujadalah Bi al-Husna (berbincang secara baik).

Golongan ini tidak boleh didakwahkan dengan *uslub* mauizah juga *uslub* hikmah sebaliknya mesti dibawa mereka berhujjah dan berdebat secara baik dengan membawa hujjah-hujjah yang boleh mematikan hujjah mereka dan menerlah kesilapan serta kerapuhan pegangan mereka.

Cara menarik mereka ini, hendaklah dimulakan dengan mengadakan hubungan peribadi melalui pengenalan yang diikuti dengan menunjukkan kepadanya dari segi perbuatan bahawa anda mengambil berat kepadanya, menyoal dan bertanya khabar di waktu ketiadaannya, tanpa bercakap soal dakwah terlebih dahulu. Seterusnya diikuti dengan membangunkan fitrah keimanan yang tersembunyi dalam jiwa sasaran tetapi dengan tidak bercakap dalam masalah iman terus, sebaliknya dengan menyebut - seolah-olah tanpa dimaksudkan - tentang kekaguman anda dengan kejadian Allah ketika melihat keajaiban alam.<sup>58</sup>

Jangan mulakan kepada mereka ini dengan Firman Allah dan sabda Rasulullah sekiranya anda ingin memberi hidayah kepada mereka, atau jangan anda menyebut bahawa Islam telah menetapkan begitu dan begini atau terdapat dalam syariat begitu dan begini. Sebaliknya kenalilah punca yang menyebabkan mereka terpesong.<sup>59</sup>

### **Contoh Perdebatan Secara Baik**

Imam Abu Hanifah telah berjanji untuk berdebat dengan golongan atheis pada waktu dan tempat yang dipersetujui bersama, tetapi beliau tiba lambat sehingga mereka semua bertanya dengan mengatakan "kenapa tuan lambat? Abu Hanifah pun menceritakan perkara yang melambatkan kehadirannya kerana ketika dalam perjalanan ke situ beliau melalui jalan di tepi sungai, ketika melintasi sebatang pokok beliau melihat kejadian aneh di mana pokok itu telah berubah dan terbelah dengan sendirinya bertukar menjadi papan dan lain-lain kemudian tersusun membentuk sebuah kapal, seterusnya bergerak turun ke air dan belayar

<sup>57</sup> Al-Hajj : 5-6

<sup>58</sup> Lihat dengan lebih detil dalam tulisan Syeikh Mustafa Manshur, *al-Da'wah al-Fardiyah*.

<sup>59</sup> Abdullah Naseh Ulwan, *Kaifa Yad'u al-Dai'yan*, Beirut 1986, hlm. 148-149.

mengharungi lautan bergelombang tanpa nakhoda yang memandu arahnya. “Kejadian yang ganjil inilah yang melambatkan saya”. Lalu mereka semua secara serentak mengherdik Abu Hanifah dan mengatakan berbohong dan khayal, kerana tidak masuk aqal berlakunya kejadian sedemikian secara sendiri, lalu Abu Hanifah mengatakan “Maha Suci Allah” sekiranya tidak masuk aqal bahawa sebuah kapal dapat belayar di lautan dengan cara yang betul tanpa ada orang yang mengemudikannya dan tanpa kompas, maka bagaimanakah boleh masuk aqal berdiri/wujudnya dunia yang luas terbentang dengan pelbagai kedaaannya ini dan dengan perjalanananya yang teratur berserta dengan kejadiannya yang unik, adakah tidak mempunyai pencipta yang mentadbir dan mengawalnya sebagaimana yang kamu sangka?, lalu semua menangis dan bertaubat serta kembali kepada Islam.

Imam al-Syafei di soal tentang dalil-dalil yang menunjukkan wujudnya Allah. Beliau mengatakan “daun Malbery kecapannya, warnanya dan baunya adalah sama sahaja kepada kamu? Jawab mereka ya”, lalu kata imam al-Syafei “Sekiranya ia dimakan oleh ulat sutera ia mengeluarkan sutera. Apabila dimakan oleh lebah ia mengeluarkan madu, dimakan oleh kambing mengeluarkan tahi kambing dan apabila dimakan oleh kijang ia mengeluarkan kasturi, siapakah yang menjadikan perkara ini semua sedangkan yang dimakan itu adalah daun sama? Lalu semua mereka mengakui dan memeluk Islam”.<sup>60</sup>

### Pendapat Ulama’

Imam al-Ghazali - rahimahullah - membahagikan sasaran dakwah kepada tiga golongan dan menentukan bagi setiap kumpulan satu bentuk *uslub*.

- i. Golongan cerdik perlu didakwahkan dengan burhan (dalil dan bukti yang jelas) iaitu hikmah. Melalui penggunaan perangkaan, carta-carta, dalil-dalil dan hujjah yang menyakinkan.
- ii. Orang awam perlu didakwahkan dengan khitabah (maksudnya Mauizah Hasanah) yang banyak menggerakkan sentimen dan semangat.
- iii. Yang menentang di dalam aqidah, perlu didakwahkan melalui perdebatan dan dailog secara baik kerana mauizah tidak dapat memberikan rasa yakin serta puashati kepada mereka”<sup>61</sup>

Kata Ibn Taimiyah, “Bahkan al-hikmah ialah mengenali kebenaran dan beramal dengannya. Dengan itu hati-hati yang mempunyai kefahaman dan qasad hendaklah diseru dengan hikmah secara diterangkan kepada mereka kebenaran

<sup>60</sup>Dr. Ahmad Ahmad Ghallush, *op. cit.*, hlm. 117.

<sup>61</sup>Abu Hamid Muhammad b. Muhammed al-Ghazali (Imam al-Ghazali) *al-Iqtisad fi al-I’tiqad*, hlm. 40

melalui ilmu dan amalan, barulah akan sampai kepada mereka dan mereka beramat dengannya. Sekumpulan yang lain pula mengakui kebenaran tetapi mereka dihalangi oleh keinginan diri yang menyekat mereka menerima kebenaran, maka mereka ini hendaklah diseru dengan mauizah hasanah melalui targhib terhadap kebenaran dan tarhib dari kebatilan.

Dakwah dengan dua cara ini bagi yang menerima kebenaran, tetapi sesiapa yang tidak menerima kebenaran hendaklah diseru dengan mujadalah.<sup>62</sup>

Kata Ibn Rushd.

*"Manusia tergolong ke dalam tiga kumpulan, sekumpulan bukan dari golongan ta'wil tetapi mereka adalah golongan khitabiyyun (yakni yang ditujukan percakapan kepadanya melalui mauizah) yang terdiri dari orang awam. Ini adalah disebabkan bahawa tidak didapati di sana seorang yang waras aqalnya kosong dari bentuk pengakuan begini (al-tasdiq). Golongan kedua adalah terdiri dari golongan pandai bertakwil yang memerlukan kepada keyakinan. (Ahl al-Ta'wil al-Yaqini). Mereka-mereka ini golongan burhaniyun (yang memerlukan hujjah dan dalil yang menyakinkan) dari segi tabiat dan pembentukannya, mereka perlu didakwahkan dengan cara hikmah. Golongan ketiga adalah penentang yang mesti didakwahkan dengan perdebatan secara baik."*<sup>63</sup>

Fakhr al-Razi menyokong pandangan dan pembahagian di atas dengan menyebut bahawa manusia dinisbahkan kepada kesempurnaan tabiatnya terbahagi kepada dua pihak dan satu pihak ketiga yang berada di tengah-tengah. Golongan atau pihak pertama ialah yang ditujukan kepada mereka hikmah adalah merupakan golongan yang sempurna. Golongan ketiga ialah yang ditujukan kepadanya mujadalah iaitu yang berada di pihak yang kurang, sedangkan golongan kedua yang berada di tengah-tengah ialah yang ditujukan kepadanya mauizah kerana kesempurnaan mereka tidak sampai keperingkat hukama' (bijak pandai) yang sebenarnya, (Muhaqqiq) sebagaimana juga di dalam kekurangannya tidak sampai ke peringkat menentang dan memusuhi, bahkan mereka masih kekal di atas dasar fitrah tulen dan akhlak sejahtera. Beliau mengatakan maksud dari Firman Allah Ta'aala dalam ayat 125 surah al-Nahl ialah "Serulah yang kuat dan sempurna kepada agama dengan cara hikmah melalui dalil yang tepat dan menyakinkan, dan serulah orang ramai dengan nasihat pengajaran yang baik iaitu dengan dalil-dalil

<sup>62</sup>Ibn Taimiyah, *Mi'raj al-Wusul*, hlm. 14.

<sup>63</sup>"*Fasl al-Maqal*", hlm. 30.

yakin lagi dapat memuaskan hati, seterusnya bercakaplah dengan orang yang menentang dengan cara yang lebih baik dan lebih sempurna.<sup>64</sup>

Begitulah pandangan ulama' tentang pembahagian *uslub* dakwah kepada tiga yang mana ini bukanlah membawa erti setiap *uslub* mesti digunakan untuk satu kumpulan tertentu sahaja tanpa dapat digunakan pada kumpulan lain, sebaliknya ketiga-tiga *uslub* itu boleh digunakan kepada tiga golongan itu atau sebaliknya berdasarkan suasana sasaran yang kadang-kadang bukan terdiri dari satu golongan sahaja dalam satu-satu waktu juga berdasarkan kepada terhimpunnya kesemuanya sifat kepada seorang diri manusia.

---

<sup>64</sup>Fakhr al-Razi, *op.cit.*, hlm. 139-140.